

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/278003149>

# Hubungan Sikap ( Komitmen, Emosi, Berwawasan ) Dengan Pencapaian Akademik Pelajar PKPG ( SPT, SPN, SPH ) Tahun Akhir Di Fakulti Pendidikan, UTM Skudai.

Article · December 2010

CITATION

1

READS

780

2 authors, including:



**Mohd Nihra Haruzuan Bin Mohamad Said**

Universiti Teknologi Malaysia

64 PUBLICATIONS 106 CITATIONS

SEE PROFILE

Some of the authors of this publication are also working on these related projects:



Facilitating learners' online discussions in completing group assignments [View project](#)



Pedagogical Strategies (PS) for fostering the development of numeracy competency among Malaysian primary aboriginal students. [View project](#)

## **Hubungan Sikap (Komitmen, Emosi, Berwawasan) Dengan Pencapaian Akademik Pelajar PKPG (SPT, SPN, SPH) Tahun Akhir Di Fakulti Pendidikan, UTM Skudai.**

*Mohd Nihra Haruzuan Mohd Said<sup>1</sup> & Chandrathevy Kuppusamy<sup>2</sup>*

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

---

**ABSTRAK:** Kajian ini mengkaji hubungan sikap (komitmen, emosi dan berwawasan) dengan pencapaian akademik pelajar PKPG tahun akhir (SPT, SPN, SPH) di UTM, Skudai. Kajian ini melibatkan 131 orang responden yang terdiri daripada 53 orang lelaki dan 78 orang perempuan. Kajian ini berbentuk korelasi dan menggunakan instrumen soal selidik dengan skala Likert bagi mengukur sikap dari tiga aspek. Tiga aspek tersebut ialah komitmen, emosi serta berwawasan. Nilai pekali Alpha Cronbach untuk kajian ini adalah 0.8591. Dapatan kajian mendapati sikap dari ketiga-tiga aspek tersebut mencatatkan nilai min melebihi 3.5 iaitu komitmen dengan nilai min 3.714, sikap emosi dengan nilai min 3.87 serta sikap berwawasan dengan nilai minnya 3.79. Keseluruhannya, pelajar PKPG mempunyai sikap komitmen, emosi serta berwawasan yang baik terhadap pembelajaran. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan sikap di antara pelajar perempuan dan lelaki PKPG. Pelajar perempuan menunjukkan sikap yang lebih positif terhadap pembelajaran. Namun, hasil daripada analisis t-test menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan ketiga-tiga aspek sikap. Kajian juga telah menemui bahawa sikap komitmen dan berwawasan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar PKPG, tetapi sebaliknya bagi sikap emosi. Di samping itu, dikemukakan juga cadangan kajian untuk meningkatkan lagi pencapaian akademik pelajar PKPG.

**Katakunci:** *Sikap, Komitmen, Emosi, Berwawasan, Pencapaian Akademik, Pelajar*

**ABSTRACT:** The study examines the relationship between attitude (Comittment, Emotion, and Vision) and academic achievement among the final year PKPG students (SPT, SPN, SPH) in UTM, Skudai. The respondents comprised 53 male and 78 female students. The study employed a set of questionnaire measuring on three PKPG students' attitudes towards learning using Likert scale. The three attitudes are comittment, emotion and vision. The Cronbach Alpha coefficient for the instrument is 0.8591. The result showed that the overall average mean of students' attitudes were greater than 3.5, which showed comittment with overall mean 3.714, emotion with 3.87, and vision with 3.79. Generally, the students' attitudes were positive towards learning. The result also shown that there were difference in attitudes between male and female PKPG students. However, the t-tests showed that the difference of the result were not significant. It is also found that comittment and vision have significant relation with the academic achievement but not for emotion which do not have a significant relation with academic achievement. Finally, several recommendations were given to enhance students' teaching and learning effectiveness.

**Keywords:** *Attitude, Comittment, Emotion, Vision, Academic Achievement, Students*

---

## 1.0 PENGENALAN

Sikap atau attitude adalah suatu konsep paling penting dalam psikologi sosial. Banyak kajian dilakukan untuk merumuskan pengertian sikap, proses terbentuknya sikap, mahupun proses perubahannya, tidak kurang juga penelitian yang telah dilakukan terhadap sikap untuk mengetahui kesan dan peranannya baik sebagai pembolehubah bersandar mahupun pembolehubah bebas.

Terdapat beberapa teori mengenai sikap (Mann, 1969 ; Secord and Backman, 1964) antaranya adalah teori keseimbangan (balance theory) oleh Heyder; teori kesesuaian (Congruity principle ) dari Tannenbaum; teori desonansi kognitif (Cognitive dissonance ) yang dikemukakan oleh Festinger mahupun teori afektifkognitif dari Rossenberg, serta beberapa teori lain.

Dalam dunia teknologi kini, faktor psikologi seperti sikap ini semakin dilupakan, namun dengan adanya kajian terhadap sikap, sedikit sebanyak memberi gambaran bahawa sikap masih memainkan peranan yang penting. Dalam konteks kajian ini, pencapaian akademik menjadi ukuran untuk melihat sejauh mana sikap memainkan peranannya. Namun harus diingat, walaupun sikap setiap individu adalah berbeza, tetapi individu masih boleh dikategorikan mengikut sikap yang hampir sama berlandaskan beberapa faktor antaranya, pekerjaan, baka, serta umur.

Berbicara tentang umur dan sikap, ianya sejajar dengan tajuk kajian ini iaitu melihat hubungan sikap dengan pencapaian akademik pelajar PKPG (Program Khas Pensiswazahan Guru), yang juga boleh dikategorikan sebagai pelajar dewasa. Pelajar PKPG tahun akhir di Fakulti Pendidikan, UTM ini adalah guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 3 tahun. Mereka adalah antara guru-guru yang telah menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan profesionalisme perguruan di negara ini. Program ini adalah bagi memenuhi keperluan guru siswazah menjelang 2010 kerana pada tahun 2010 dijangkakan kesemua guru di sekolah menengah manakala 50 peratus guru siswazah di sekolah rendah adalah guru siswazah ( Rancangan Malaysia ke 9, 2006 ).

Pengaruh terarah sendiri dan kognitif ini akan memberi kesan terhadap faktor lain seperti penyelesaian masalah dalam persekitaran pembelajaran dewasa. Penyelesaian masalah dalam konteks pembelajaran dewasa ini merujuk kepada usaha seseorang untuk mencapai goal dimana mereka tidak mempunyai cara automatik (Schunk, 1991).

Berdasarkan pernyataan itu, bolehlah dirumuskan bahawa sikap pelajar dewasa mempunyai pengaruh terhadap usaha mereka dalam mencapai pencapaian akademik yang baik. Oleh itu di dalam kajian ini, akan dilihat adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara ketiga-tiga sikap iaitu komitmen, emosi dan wawasan dengan pencapaian akademik pelajar PKPG ini. Hasil kajian ini nanti boleh dijadikan rujukan oleh pendidik pelajar dewasa. Ini adalah kerana dengan memahami sikap pelajar adalah mudah untuk pendidik menyampaikan ilmu pengetahuan dengan cara yang lebih berkesan lagi. Selain itu sekiranya sikap memainkan peranan yang penting dalam pencapaian akademik seseorang individu, maka persediaan awal dalam pembentukan sikap yang diinginkan dapat dibuat oleh pihak institusi pendidikan untuk menghasilkan produk yang berkualiti tinggi yakni mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang.

### 1.1 Pernyataan Masalah

Kajian yang dijalankan ini ialah untuk melihat adakah wujud hubungan yang signifikan diantara sikap dengan pencapaian akademik pelajar tahun akhir di Fakulti Pendidikan, UTM Skudai. Sikap berkenaan akan dilihat dari aspek komitmen iaitu penglibatan pelajar secara

aktif atau tidak dalam pembelajaran di universiti, aspek emosi di mana perasaan pelajar sama ada suka atau tidak dengan pembelajaran di universiti, dan aspek berwawasan iaitu pelajar bersifat inisiatif atau tidak dengan pembelajaran di universiti. Ketiga-tiga aspek ini kemudian dihubungkan dengan pencapaian C.G.P.A. terkini pelajar PKPG tahun akhir yang terdiri daripada kursus SPT, SPN, dan SPH untuk melihat pertalian antara pembolehubah-pembolehubah berkenaan.

## 1.2 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan sikap yang difokuskan hanya kepada komitmen, emosi dan wawasan dengan pencapaian akademik pelajar PKPG iaitu C.G.P.A. terkini. Kajian ini dijalankan berasaskan beberapa objektif yang telah dikenapasti. Objektif kajian ini ialah:

- i) Menenalpasti sikap pelajar PKPG di Fakulti Pendidikan, UTM Skudai, terhadap pembelajaran.
- ii) Menenalpasti perbezaan sikap di antara pelajar lelaki PKPG dengan pelajar perempuan PKPG di Fakulti Pendidikan, UTM Skudai.
- iii) Mengkaji hubungan sikap (komitmen, emosi dan berwawasan) dengan pencapaian akademik pelajar PKPG di Fakulti Pendidikan, UTM Skudai.

## 2.0 SOROTAN KAJIAN

### 2.1 Kajian Sikap

Sikap ialah kecenderungan untuk memberi respon yang positif atau negatif terhadap sesuatu objek, situasi atau individu. Sikap juga dilihat dari tiga dimensi iaitu kognitif (ilmu pengetahuan), afektif (emosi dan motivasi) serta behavioral (tingkah laku). Namun, sikap tidak boleh disamakan dengan minat, pendapat serta nilai kerana terdapatnya perbezaan dalam konteks penggunaan istilah-istilah ini. Minat ialah perasaan atau kesukaan terhadap aktiviti yang dilakukan oleh seseorang individu, sedangkan sikap pula merujuk kepada persetujuan atau tiada persetujuan. Pendapat pula ialah tindak balas spesifik terhadap sesuatu peristiwa atau situasi tetapi sikap lebih umum dan memberi kesan terhadap respon yang melibatkan bilangan individu atau peristiwa yang lebih luas. Tambahan lagi, individu sedar akan pendapat mereka tetapi tidak sepenuhnya sedar akan sikap mereka. Akhir sekali, nilai pula merujuk kepada kepentingan, utiliti atau yang berhubung dengan sesuatu aktiviti atau objek. (Aiken, 1997).

Dari data tersebut menunjukkan sikap berkorelasi dengan perilaku secara tidak konsisten dan memiliki koefisien dan memilih koefisien korelasi yang berbeza-beza, ada yang signifikan dan ada yang tidak signifikan tetapi yang jelas kesemuanya berkorelasi secara positif. Hasil daripada kajian beliau pula, didapati koefisien korelasi antara sikap dan perilaku adalah 0.366. Oleh kerana itu dapat dinyatakan bahawa 13.39% varians perilaku dapat dijelaskan dari varians sikap. Daripada hasil kajian tersebut, dapat dibuat satu jangkakan bahawa sikap terhadap belajar mempengaruhi perilaku mencapai pencapaian akademik cemerlang.

Selain itu, menurut Honey dan Mumford (1992), gaya pembelajaran didefinisikan sebagai penerangan ke atas sikap dan tingkah laku individu yang mengamalkannya. Di sini jelas bahawa, sikap memainkan peranan yang amat penting, kerana diketahui bahawa gaya

pembelajaran merupakan salah satu faktor penentu pencapaian akademik yang cemerlang. Gaya pembelajaran yang dimiliki dapat membantu seseorang untuk mengenalpasti situasi pembelajaran dan mempertingkatkan prestasi pembelajaran (Dunn dan Stevenson, 1997). Pelajar yang tahu menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan dirinya akan lebih mudah membantu mereka mencapai keputusan yang lebih cemerlang. Klavas (1994) dalam kajiannya mendapati setelah pelajar diperkenalkan dengan gaya pembelajaran dan menggunakan gaya pembelajaran tersebut, mereka telah mendapat keputusan yang lebih cemerlang.

## 2.2 Kajian sikap dari aspek komitmen

Sikap dari aspek komitmen dapat dilihat dari segi penglibatan diri seseorang pelajar dalam proses pembelajaran. Antara sikap yang boleh diperhati ialah mengambil atau mencatat nota sendiri ketika pensyarah mengajar, tekun dan bertanggungjawab, rajin mencari nota tambahan selain nota kuliah yang diperolehi daripada pensyarah, dan sebagainya. Banyak kajian yang menunjukkan sikap komitmen terhadap pembelajaran membuahkan hasil yang positif.

Memetik pernyataan Salihan Siais (1991), nota yang mengandungi tajuk dan fakta penting yang tersusun serta kemas akan meningkatkan lagi daya ingatan dan keberkesanan proses pembelajaran. Wan Izzuddin Wan Sulaiman dan Wan Hasni Wan Sulaiman (1991), pula menyatakan, pelajar juga perlu menghadiri kuliah tepat pada waktunya supaya pelajar tidak ketinggalan dalam mencatatkan nota yang betul dan penting. Ini jelas menunjukkan betapa sikap komitmen memainkan peranan penting walaupun ketika mengambil nota kuliah.

Hanifi Ismail (2001), kira-kira 90% daripada usaha pembelajaran boleh dicapai apabila pelajar membuat latihan dan berbincang dengan pihak yang berkenaan, 80% boleh dicapai dengan membuat perbincangan sahaja, melihat dan mendengar boleh mencapai sebanyak 50%, 40% melalui melihat, 30% melalui mendengar dan menerusi membaca boleh mendapat 20% sahaja. Oleh itu, membuat latihan dan perbincangan adalah dua faktor yang paling penting untuk mencapai tahap pengekalan ilmu pengetahuan yang dipelajari. Bagi tujuan pengekalan ilmu pengetahuan yang telah dipelajari, komitmen yang tinggi diperlukan. Pengekalan ilmu pengetahuan yang dipelajari sememangnya amat membantu seseorang pelajar dalam menentukan pencapaian akademik yang baik.

Taylor (1990) dalam satu kajiannya mendapati bahawa komitmen dari segi peruntukan masa untuk membuat ulangkaji mempunyai kaitan dengan peningkatan prestasi dalam pencapaian akademik pelajar tersebut. Hasil daripada kajian mendapati pelajar yang menggunakan lebih banyak masa untuk membaca akan mempunyai peningkatan dalam pencapaian akademiknya (Wiley, 1974).

Kajian yang dijalankan oleh Chee Kim Mang (tahun tidak dinyatakan) terhadap 39 orang pelajar tingkatan empat dalam mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ekonomi asas dengan menggunakan analisis regresi berganda memberikan keputusan bahawa terdapat enam faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ini. Faktor-faktor tersebut ialah liputan (liputan pengajaran guru ekonomi), peperiksaan (penekanan guru ekonomi terhadap aspek peperiksaan), guna (persepsi pelajar tentang kepraktikalan ekonomi dalam kehidupan harian), bimbang (tahap kebimbangan pelajar terhadap mata pelajaran ekonomi), interaksi (tahap interaksi antara guru dan pelajar di dalam bilik darjah), dan jumlah jam belajar (jumlah jam pelajar mengulangkaji mata pelajaran ekonomi asas dalam seminggu). Daripada hasil kajian ini, boleh disimpulkan bahawa faktor komitmen (jumlah jam belajar) memang mempengaruhi pencapaian pelajar.

### 2.3 Kajian sikap dari aspek emosi

Emosi dan perasaan seperti tangisan, gelak ketawa, kesedihan dan ketakutan mencorakkan warna kehidupan, boleh membentuk sikap dan personaliti serta menggerakkan arah hidup manusia. Perkataan emosi berasal dari perkataan Greek “emovere” yang membawa maksud ‘untuk keluar’. Emosi akan ditonjolkan keluar sebagai satu bentuk bagi memenuhi kepuasan seseorang. Emosi boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan yang dialami oleh manusia yang melibatkan beberapa perubahan proses fisiologi, diri dan psikologi (Mahmood Nazar Mohamed, 1992).

Aspek emosi dan perasaan harus diambil kira dalam diri setiap pelajar. Sekiranya, kedua-dua aspek ini tidak diuruskan dengan baik akan membawa kesan yang negatif dalam proses pembelajaran. Dengan adanya pengurusan emosi yang baik aktiviti pembelajaran yang menguntungkan pelajar dapat digalakkan (Mohd Daud Hamzah, 1990). Beech (1982) pula mengatakan tekanan kerja yang berlebihan akan menyebabkan tindakbalas tegangan dan emosi dan mental. Untuk mengelakkan pelajar memberikan reaksi yang negatif terhadap beban tugas pembelajaran yang dihadapi setiap hari, Maslin Sulaiman (2002) menyatakan bahawa adalah perlu seseorang pelajar untuk menganalisis tugas dan membahagikan tugas tersebut secara terperinci untuk mengelakkan bebanan dan tekanan yang berlebihan.

Azizi Yahaya et al (2006) dalam kajiannya mendapati sebilangan besar pelajar mempunyai dimensi kecerdasan emosi motivasi diri yang tinggi dan diikuti pula oleh dimensi kecerdasan emosi pengawalan emosi. Seterusnya disusuli oleh dimensi empati, kemahiran interpersonal dan dimensi kesedaran diri. Kajian beliau yang melibatkan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Sardon, Sekolah Menengah Kebangsaan Rengit, Sekolah Menengah Kebangsaan Senggarang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Mahmud Iskandar menunjukkan mereka mempunyai dimensi kecerdasan emosi motivasi diri yang tinggi.

Hasil kajian beliau juga telah menunjukkan pekali korelasi antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar ialah  $r = -1.63$  pada aras keertian  $p < 0.01$ . Hal ini menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar. Walau bagaimanapun nilai pekali korelasinya adalah lemah. Ini bermaksud kecerdasan emosi bukan faktor penentu utama tahap pencapaian akademik pelajar. Walaupun emosi bukan faktor utama, namun ia tetap mempengaruhi pencapaian akademik pelajar-pelajar tersebut.

### 2.4 Kajian sikap dari aspek berwawasan

Sikap dari aspek berwawasan dapat diperhati melalui inisiatif dan kebolehan menentukan gol untuk dicapai dalam tempoh waktu tertentu. Sikap berwawasan ini berkait rapat dengan kemahiran merancang dan melaksanakan sesuatu dalam tempoh waktu yang ditentukan.

Toh Hon Leong (2000) dalam satu kajiannya mengesahkan bahawa terdapat 6 faktor utama yang dikenali sebagai faktor kejayaan kritikal yang boleh mempengaruhi kejayaan seseorang pelajar. Salah satu faktor kejayaan adalah mempunyai strategi pengurusan masa yang berkesan. Biasanya pelajar yang ketinggalan sentiasa menanggungkan kerja dan suka mencari alasan, akhirnya mereka tidak dapat menyiapkan kerja dan meniru hasil kerja orang lain. Mereka adalah tergolong dalam golongan yang tidak mempunyai pengurusan masa yang berkesan. Maka, boleh disimpulkan di sini bahawa seseorang yang tidak berwawasan sememangnya sukar untuk mencapai keputusan yang cemerlang.

Kajian oleh Siti Hawa Munji (1987) pula mendapati 54.45% pelajar di bawah kajiannya tidak merancang jadual waktu. Mereka belajar mengikut ‘selera’ sendiri dan

sentiasa membuat kerja lain. Hanya 45.02% pelajar yang merancang jadual waktu, walaubagaimanapun didapati bukan semua pelajar ini melaksanakan apa yang telah dirancang dalam jadual. Mereka lebih cenderung belajar pada saat-saat akhir apabila menjelang peperiksaan. Sudah tentu dengan mengamalkan sikap tidak berwawasan maka keputusan yang diperolehi juga tidak memberangsangkan.

Masalah sikap di kalangan pelajar berprestasi kurang memuaskan dikenalpasti berpunca dari tiada kesungguhan untuk mendapat markah yang cemerlang (80.4%) dan tidak kisah jika tidak lulus peperiksaan (86.3%). Sikap ambil mudah dan kurang bersemangat ini jelas mempengaruhi prestasi pembelajaran mereka. Skor min yang tinggi bagi item bahawa mereka tidak kisah jika tidak lulus peperiksaan (4.43) dan markah tidak cemerlang (4.38) jelas menggambarkan sikap tidak endah terhadap prestasi pembelajaran mereka. Sikap ini menjadikan pelajar-pelajar ini tiada kesungguhan untuk berusaha dan memberikan yang terbaik pada setiap kali peperiksaan. (Norhani, 2005)

## **2.5 Kajian sikap pelajar dewasa**

Banyak istilah yang digunakan bagi menjelaskan pembelajaran orang dewasa. K.P. Cross menggunakan istilah *Adult Learning* (pembelajaran orang dewasa), M. Knowles pula menggunakan istilah *Andragogy* dan C. Rogers pula menggunakan istilah *Experiential Learning* (pembelajaran melalui pengalaman). Teori-teori ini mempunyai kaitan dengan cara orang dewasa belajar. Banyak faktor yang menyebabkan seseorang pelajar dewasa itu mampu menyerap pengajaran dengan baik antaranya ialah faktor persekitaran pembelajaran.

Cross (1981) menggunakan istilah *Adult Learning* (pembelajaran orang dewasa) dengan mengeluarkan model ciri-ciri orang dewasa sebagai pelajar (*Characteristics of Adults as Learners, CAL*) dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat. Model itu berusaha untuk menggabungkan kerangka teori untuk pembelajaran orang dewasa seperti *andragogi* (Knowles), pembelajaran melalui pengalaman (Rogers) dan psikologi kehidupan.

## **2.6 Kajian hubungan sikap dengan pencapaian akademik**

Menurut Alias Baba (1989), model ini menerangkan bahawa terdapat tiga jenis kumpulan yang memberi kesan kepada hasil pembelajaran. Kumpulan pertama dikategorikan sebagai input dari pelajar yang terdiri dari faktor latar belakang, dan faktor kebolehan dan sifat peribadi. Faktor latar belakang merangkumi faktor sosiologikal seperti status sosioekonomi, struktur keluarga dan interaksi dalam keluarga. Faktor kebolehan dan sifat peribadi merangkumi faktor psikologi seperti kemahiran belajar, kebiasaan belajar, aptitud, jantina dan umur.

Alias Baba (1989) juga telah menjalankan sebuah kajian dan dalam kajiannya beliau telah mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian dalam mata pelajaran kimia. Kajian ini mengkategorikan faktor-faktor tersebut kepada dua kumpulan iaitu faktor latar belakang pelajar yang merangkumi kemudahan pembelajaran di rumah dan suasana pembelajaran di rumah, dan faktor perantaraan yang merangkumi minat dan sikap pelajar terhadap mata pelajaran kimia. Kedua-dua faktor ini dianalisis dengan menggunakan analisis regresi berganda. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor latar belakang menyumbangkan lebih kurang 10.1% kepada jumlah varian pencapaian, faktor perantaraan lebih kurang 5.8% dan kedua-dua faktor ini apabila diambil serentak menyumbangkan lebih kurang 15%.

Memetik pernyataan Norhani Bakri (2005), perlakuan seseorang dipengaruhi kuat oleh sikapnya terhadap sesuatu perkara itu. Sikap yang positif akan melahirkan perlakuan yang

positif dan begitulah sebaliknya. Dapatan kajian beliau juga telah mengenalpasti masalah sikap pelajar yang berprestasi kurang memuaskan ini berpunca daripada tiada kesungguhan untuk mendapat markah yang cemerlang (80.4%) dan tidak kisah jika tidak lulus peperiksaan (86.3%). Sikap-sikap inilah yang mempengaruhi prestasi pembelajaran mereka. Di sini jelas menunjukkan sikap memainkan peranan yang penting dalam menentukan pencapaian akademik seseorang pelajar universiti.

Satu kajian yang telah dijalankan oleh Nor Azah Samot (2006) mendapati daripada hasil analisis beliau tiga daripada enam faktor mempunyai perkaitan dengan pencapaian pelajar dalam Kursus Teori Statistik. Antara tiga faktor tersebut, faktor sikap telah menunjukkan hubungan yang signifikan dengan pencapaian Teori Statistik pada aras keertian 5%. Daripada dapatan ini, didapati pelajar yang mempunyai minat dan sikap yang positif terhadap Kursus Teori Statistik akan mendorong pelajar tersebut untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam kursus ini.

Morris (1981) pula mendapati kebanyakan pelajar tidak menunjukkan prestasi yang baik dalam Matematik disebabkan oleh sikap negatif mereka terhadap subjek itu. Ini disokong lagi dengan kajian yang telah dilakukan oleh Cheung (1988) di Hong kong yang melaporkan terdapat hubungan yang positif antara sikap pelajar sekolah menengah terhadap matematik dengan pencapaian dalam matematik.

Dr. Arham Abdullah (2006), dalam kajian beliau telah mendapati faktor persekitaran dan sikap pelajar terhadap pembelajaran banyak mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. Menurut beliau lagi, sikap pelajar sama ada dari segi disiplin, kesungguhan ketika belajar di dewan kuliah, hubungan dengan pensyarah dan cara pembelajaran juga amat penting bagi membantu melahirkan pelajaran yang cemerlang dari segi akademik

### **3.0 METOD**

#### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Rekabentuk kajian adalah kaedah bagi membolehkan maklumat diperolehi untuk menjawab masalah kajian yang dibina. Rekabentuk kajian adalah sebagai keseluruhan rangka kerja penyelidikan bagi menjawab dan mencapai objektif kajian. Untuk kajian ini, reka bentuk kajian korelasi telah dipilih bersesuaian dengan objektif kajian yang telah ditentukan iaitu mengkaji hubungan sikap (komitmen, emosi dan berwawasan) dengan pencapaian akademik pelajar PKPG di Fakulti Pendidikan, UTM Skudai.

Dalam kajian ini data jenis ordinal, dan interval atau sela digunakan. Bagi tujuan pengkelasan lelaki dan perempuan digunakan data jenis nominal iaitu 1 untuk lelaki dan 2 untuk perempuan. Sikap pula menggunakan data jenis interval iaitu 1 hingga 5 untuk menyatakan tahap persetujuan dengan sikap yang dinyatakan. Data-data ini dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik sememangnya efisien untuk mengumpul data dalam jumlah yang banyak, pada kos yang rendah dan dalam tempoh yang singkat. Data yang dikumpul dan hasil kajian ini dapat memberi maklumat untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Borang soal selidik diedarkan dan dikutip daripada responden oleh penyelidik sendiri selepas beberapa minit.



### **3.2 Tempat Kajian**

Kajian ini dijalankan bertempat di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Faktor pemilihan tempat kajian ini adalah berdasarkan bilangan responden yang dikehendaki yang memenuhi kriteria responden untuk kajian ini iaitu pelajar PKPG yang berada di Fakulti Pendidikan.

### **3.3 Sampel Kajian**

Sampel penyelidikan bertujuan memperoleh sumber data yang boleh dipercayai. Menurut Azizi Yahaya (2006) dalam memilih sampel bagi kajian korelasi, jumlah minimum subjek yang bersesuaian adalah 30 orang. Ini kerana, apabila nilai yang bersesuaian dipilih, ia mempengaruhi nilai pekali korelasi yang tidak berkaitan.

Dalam konteks kajian ini, populasi yang menjadi sasaran ialah kumpulan pelajar PKPG (Program Khas Pensiswazahan Guru) yang dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Guru. Pelajar-pelajar PKPG ini adalah guru-guru yang mempunyai kelulusan diploma perguruan sebagai kelulusan ikhtisas sebelum mengajar di sekolah sekurang-kurangnya tiga tahun. Populasi yang dipilih juga hanyalah di kalangan pelajar tahun akhir.

Sampel adalah sebahagian daripada populasi dan proses persampelan iaitu pemilihan sampel yang tepat daripada populasi adalah penting supaya sampel dapat mewakili populasi. Krejcie, R.V and Morgan D.W (dalam Azizi Yahaya et al, 2006), telah menunjukkan kadar menentukan jumlah sampel daripada populasi. Dengan menggunakan jadual Krejcie, R.V and Morgan D.W, seramai 131 responden telah dipilih sebagai sampel kajian. Sampel kajian juga telah dipilih secara tidak rawak dari kumpulan pelajar PKPG yang berada di tahun akhir. Dalam persampelan tidak rawak ini, persampelan berkuota iaitu persampelan jenis bersrata telah digunakan, di mana pemilihan sampel dilakukan secara tidak rawak untuk setiap kursus.

### **3.4 Instrumen**

Instrumen ialah alat yang digunakan untuk mengumpul data kajian. Sulaiman Ngah Razali (1996) menyatakan soal selidik merupakan kaedah paling mudah untuk memperoleh maklumat. Penggunaan soal selidik sebagai instrumen kajian yang utama bagi mendapatkan data berkaitan tajuk dan objektif kajian.

Selain itu, soal selidik selalu digunakan untuk mengukur sikap seseorang samada melalui soalan respon tetap, bebas (terbuka), senarai semak atau skala kadar. Dalam kajian ini, soal selidik berskala Likert dipilih dengan responden kajian hanya perlu memilih jawapan paling sesuai dengan pilihan diri.

Set soal selidik kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A, dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi item-item yang berkaitan dengan latar belakang responden seperti kursus, jantina, keputusan CGPA terkini dan bangsa. Responden hanya perlu mengisi maklumat yang dikehendaki pada ruang yang disediakan manakala bahagian B pula merangkumi soalan sikap terhadap pembelajaran responden.

## 4.0 HASIL DAPATAN

### 4.1 Analisis Jantina

**Jadual 1:** Taburan Kekerasan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Lelaki	53	40.5
Perempuan	78	59.5
<b>Jumlah</b>	<b>131</b>	<b>100</b>

Jadual 1 menunjukkan bilangan responden yang terlibat dalam kajian mengikut jantina. Didapati responden lelaki yang terlibat adalah 53 orang berbanding perempuan seramai 78 orang iaitu 59.5 peratus daripada jumlah responden. Ini menunjukkan responden perempuan melebihi responden lelaki sebanyak 25 orang. Kemungkinan ini adalah kerana bidang perguruan dimonopoli kebanyakannya oleh kaum perempuan.

### 4.2 Analisis Sikap (Komitmen) Pelajar PKPG Terhadap Pembelajaran

Sebanyak 10 item (soalan 1-10) digunakan untuk mengukur sikap komitmen dikalangan responden. Analisis data dibuat menggunakan peratusan, kekerapan dan min bagi mengenalpasti sikap responden. Hasil dapatan kajian dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah.

**Jadual 2:** Taburan Kekerasan dan Min Sikap (Komitmen) Responden

Pernyataan	STS %	TS %	TP %	S %	SS %	Min
1. Saya selalu mengulang-kaji pelajaran sebelum menghadiri kuliah	10 7.6%	61 46.6%	22 16.8%	32 24.4%	6 4.6%	2.72
2. Saya melakukan latihan tambahan tanpa disuruh oleh pensyarah.	8 7.6%	51 38.9%	21 16.0%	46 35.1%	5 3.8%	2.92
3. Saya ada mencatat nota sendiri ketika pensyarah mengajar disamping nota kuliah yang disediakan	2 1.5%	15 11.5%	10 7.6%	78 59.5%	26 19.8%	3.85
4. Saya berusaha membuat rujukan tambahan tanpa bergantung kepada nota kuliah semata-mata.	3 2.3%	28 21.4%	18 13.7%	68 51.9%	14 10.7%	3.47
5. Setiap latihan yang diberikan oleh pensyarah akan saya cuba .	1 0.8%	22 16.8%	20 15.3%	69 52.7%	19 14.5%	3.63
6. Saya beranggapan setiap kehadiran ke kuliah atau tutorial adalah penting bagi saya.	1 0.8%	4 3.1%	2 1.5%	64 48.9%	60 45.8%	4.36
7. Markah penilaian berterusan bagi saya amat penting walaupun jumlahnya amat kecil	0 0%	4 3.1%	5 3.8%	71 54.2%	51 38.9%	4.29
8. Saya menumpukan perhatian sepenuhnya semasa kuliah kerana beranggapan setiap apa yang disampaikan oleh pensyarah adalah penting.	1 0.8%	1 0.8%	7 5.3%	75 57.3%	47 35.9%	4.27
9. Saya melibatkan diri dalam setiap	2 1.5%	13 9.9%	10 7.6%	77 58.8%	29 22.2%	3.90

aktiviti yang dijalankan semasa kuliah.	1.5%	9.9%	7.6%	58.8%	22.1%	
10. Saya akan mendapatkan rujukan daripada perpustakaan sekiranya perlu.	4	16	13	76	22	3.73
	3.1%	12.2%	9.9%	58.0%	16.8%	
<b>Purata</b>						<b>3.714</b>

Jadual 2 menunjukkan kekerapan dan min bagi setiap item untuk mengukur sikap komitmen pelajar terhadap pembelajaran. Daripada jadual di atas juga jelas menunjukkan kebanyakan responden beranggapan kehadiran mereka ke kuliah atau kelas tutorial adalah amat penting. Ini adalah berdasarkan peratusan responden yang bersetuju dan amat bersetuju dengan pernyataan tersebut adalah tinggi iaitu masing-masing 48.9% dan 45.8%. Ini sekaligus menyumbang kepada nilai min tertinggi (4.36).

Manakala nilai min terendah (2.72) pula merujuk kepada pernyataan pertama iaitu; Saya selalu mengulangkaji pelajaran sebelum menghadiri kuliah. Jumlah responden yang melebihi 50 peratus amat tidak bersetuju dan tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Daripada kedua-dua pernyataan tersebut, kita boleh membuat anggapan bahawa pelajar PKPG cenderung untuk bersikap komited dengan kehadiran ke kuliah tetapi kurang komited dalam membuat persediaan untuk menghadiri kuliah. Selain daripada itu, didapati hanya pernyataan pertama dan kedua sahaja mencatatkan nilai min yang rendah iaitu kurang daripada 3.00, manakala pernyataan ketiga hingga ke sepuluh mencatat nilai min melebihi 3.00.

Maka ini menunjukkan pelajar PKPG kurang mengamalkan sikap membuat persediaan sebelum kuliah dan tidak berusaha membuat latihan tambahan tanpa disuruh oleh pensyarah. Tetapi pelajar PKPG bersetuju bahawa mereka mempunyai sikap seperti mencatat nota sendiri ketika pensyarah mengajar, membuat rujukan tambahan di perpustakaan jika perlu, membuat latihan yang diberikan oleh pensyarah, tidak bergantung kepada nota kuliah semata-mata serta beranggapan kehadiran ke kuliah dan markah penilaian berterusan adalah penting.

Di samping itu juga pelajar PKPG juga mempunyai sikap di mana menumpukan perhatian sepenuhnya di dalam kuliah serta cuba melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Secara keseluruhannya nilai min yang dicatatkan ialah 3.714, menunjukkan pelajar PKPG menunjukkan sikap komitmen yang baik terhadap pembelajaran

### 4.3 Analisis Sikap (Emosi) Pelajar PKPG Terhadap Pembelajaran

Sebanyak 10 item juga (soalan 11-20) digunakan untuk mengukur sikap emosi dikalangan responden. Sekali lagi analisis data dibuat menggunakan peratusan, kekerapan dan min bagi mengenalpasti sikap responden tersebut. Hasil dapatan kajian dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah.

**Jadual 3:** Taburan Kekerapan Dan Min Sikap (Emosi) Responden

Pernyataan	STS %	TS %	TP %	S %	SS %	Min
11. Saya menyedari akan kelemahan yang terdapat dalam diri saya dan saya berusaha untuk memperbaikinya.	1 0.8%	2 1.5%	7 5.3%	92 70.2%	29 22.1%	4.11
12. Saya berasa gembira apabila mendapat markah atau gred yang baik di dalam	0 0%	2 1.5%	4 3.1%	51 38.9%	74 56.5%	4.50

peperiksaan						
13. Saya berasa tercabar apabila pelajar lain berjaya mencatat keputusan yang cemerlang.	5 3.8%	20 15.3%	20 15.3%	47 35.9%	39 29.8%	3.73
14. Saya bermotivasi untuk menjadi rajin apabila orang di sekeliling saya menunjukkan sikap rajin	2 1.5%	22 16.8%	3 2.3%	62 47.3%	42 32.1%	3.92
15. Saya mempunyai hubungan yang baik dan mesra dengan rakan dan pensyarah-pensyarah yang mengajar saya.	1 0.8%	7 5.3%	10 7.6%	79 60.3%	34 26.0%	4.05
16. Saya lebih suka belajar secara berkumpulan .	2 1.5%	29 22.1%	16 12.2%	50 38.2%	34 26.0%	3.65
17. Kehadiran saya ke kuliah setiap hari adalah sesuatu yang menyeronokkan.	3 0.3%	14 10.7%	19 14.5%	63 48.1%	32 24.4%	3.82
18. Kemasukan saya ke dalam program ini adalah atas kerelaan saya sendiri.	5 3.8%	9 6.9%	5 3.8%	54 41.2%	58 44.3%	4.15
19. Saya lebih suka mengulangkaji pelajaran daripada bersukan	9 6.9%	35 26.7%	26 19.8%	39 29.8%	22 16.8%	3.23
20. Saya yakin dan berani bertanya kepada pensyarah sekiranya saya kurang pasti atau tidak faham.	2 1.5%	23 17.6%	25 19.1%	64 48.9%	17 13.0%	3.54
<b>Purata</b>						<b>3.87</b>

Jadual 3 menunjukkan kekerapan dan min sikap (emosi) responden terhadap pembelajaran. Merujuk kepada jadual tersebut pernyataan ke-12 mencatatkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.50. Pernyataan tersebut ialah; Saya berasa gembira apabila mendapat markah atau gred yang baik di dalam peperiksaan. Ini berkemungkinan kerana sudah menjadi lumrah manusia berasa gembira apabila memperoleh sesuatu tidak kira sama ada dijangkakan atau tidak dijangkakan.

Pernyataan ke-19 pula mencatatkan nilai min yang terendah iaitu 3.23 dengan hanya 46.6 % responden bersetuju dan sangat bersetuju manakala selebihnya tidak pasti dan tidak bersetuju serta amat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar PKPG kurang berminat untuk mengulangkaji pelajaran, berbanding bersukan. Ini mungkin didorong oleh faktor tekanan dan bebanan tugasan di universiti.

Selain daripada dua sikap itu, daripada jadual di atas berdasarkan kepada nilai min melebihi 3.50, dapat dikenalpasti bahawa pelajar PKPG tidak terpaksa untuk mengikuti pengajian, mempunyai hubungan yang baik dengan pensyarah dan rakan-rakan serta pelajar PKPG juga menyedari akan kelemahan diri dan berusaha untuk memperbaikinya. Selain itu, pelajar PKPG juga didapati mempunyai sikap suka pada cabaran (item ke- 13), bermotivasi, belajar secara berkumpulan, seronok menghadiri kuliah, serta yakin dan berani bertanya kepada pensyarah.

Secara keseluruhannya nilai min yang dicatatkan ialah 3.87, menunjukkan pelajar PKPG mempunyai sikap (emosi) yang juga baik malah lebih baik daripada sikap komitmen terhadap pembelajaran.

#### 4.4 Analisis Sikap (Berwawasan) Pelajar PKPG Terhadap Pembelajaran

Sebanyak 10 item (soalan 21-30) juga digunakan untuk mengukur sikap berwawasan dikalangan responden. Analisis data dibuat menggunakan peratusan, kekerapan dan min bagi mengenalpasti sikap responden. Hasil dapatan kajian dinyatakan dalam Jadual 4 di bawah.

**Jadual 4:** Taburan Kekerapan Dan Min Sikap (Berwawasan) Responden

<b>Pernyataan</b>	<b>STS</b> %	<b>TS</b> %	<b>TP</b> %	<b>S</b> %	<b>SS</b> %	<b>Min</b>
21. Saya menyiapkan tugas yang diberikan dalam tempoh waktu yang ditetapkan	0 0%	6 4.6%	15 11.5%	80 61.1%	30 22.9%	4.02
22. Saya selalu membayangkan bagaimana keadaan saya beberapa tahun akan datang.	3 2.3%	10 7.6%	13 9.9%	58 44.3%	47 35.9%	4.04
23. Saya menyediakan jadual belajar untuk menghadapi peperiksaan akhir.	9 6.9%	40 30.5%	13 9.9%	53 40.5%	16 12.2%	3.21
24. Pencapaian C.P.A. yang baik setiap semester adalah penting untuk masa depan saya	1 0.8%	9 6.9%	15 11.5%	66 50.4%	40 30.5%	4.03
25. Saya membahagikan masa belajar yang cukup untuk setiap mata pelajaran.	0 0%	28 21.4%	20 15.3%	70 53.4%	13 9.9%	3.52
26. Saya dapat membaca habis semua nota sebelum menghadapi ujian atau peperiksaan.	2 1.5%	26 19.8%	20 15.3%	68 51.9%	15 11.5%	3.52
27. Saya membuat persediaan lebih awal daripada tarikh ujian atau peperiksaan.	0 0%	15 11.5%	25 19.1%	71 54.2%	20 15.3%	3.73
28. Saya mempunyai masa untuk beriadah, menonton TV dan berbual-bual bersama rakan	0 0%	9 6.9%	14 10.7%	72 55.0%	36 27.5%	4.03
29. Saya sentiasa menepati waktu ketika menghadiri kuliah	1 0.8%	4 3.1%	19 14.5%	68 51.9%	39 29.8%	4.07
30. Saya menetapkan gol yang ingin dicapai di akhir setiap semester	2 1.5%	21 16.0%	12 9.2%	71 54.2%	25 19.1%	3.73
<b>Purata</b>						<b>3.79</b>

Jadual 4 menunjukkan taburan kekerapan, peratusan serta min responden mengenai sikap (berwawasan) terhadap pembelajaran. Daripada jadual di atas, nilai min tertinggi dicatatkan pada pernyataan ke-29 iaitu; Saya sentiasa menepati waktu ketika menghadiri kuliah. Sebanyak 81.7% daripada jumlah responden bersetuju dan amat bersetuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar PKPG mempunyai sikap menepati waktu dalam menjalani pengajian di universiti. Ini mungkin disebabkan oleh profesion perguruan yang disandang oleh pelajar PKPG yang telah melatih diri mereka untuk menepati waktu ketika menghadiri sesuatu perkara.

Selain daripada itu, pernyataan ke-23 menunjukkan nilai min terendah iaitu 3.21. Seramai 52.7% responden sahaja bersetuju dan amat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Maka, pelajar PKPG tidak menunjukkan sikap gemar menyediakan jadual belajar untuk menghadapi peperiksaan akhir. Terdapat banyak faktor yang memungkinkan sikap ini, antaranya mengamalkan sikap untuk melakukan sesuatu secara spontan tanpa membuat perancangan lebih awal.

Berdasarkan nilai min yang melebihi 3.50 dapat dikenalpasti beberapa sikap pelajar PKPG antaranya, membahagikan masa yang secukupnya untuk setiap mata pelajaran, dapat mengulangkaji semua nota sebelum ujian atau peperiksaan, membuat persediaan lebih awal daripada tarikh ujian atau peperiksaan serta menetapkan gol yang ingin dicapai pada akhir setiap semester.

Bagi pernyataan–pernyataan lain nilai min yang dicatatkan adalah lebih tinggi ( $> 4.00$ ) di mana pelajar PKPG menunjukkan kecenderungan yang lebih pada sikap tersebut antaranya, menyiapkan tugas dalam tempoh waktu yang ditetapkan, berfikir tentang masa hadapan dan menyedari kepentingan C.P.A untuk masa hadapan. Ini menyumbang kepada nilai min secara keseluruhannya iaitu 3.79 mencatatkan nilai yang lebih tinggi daripada min sikap dari aspek komitmen tetapi mencatat nilai yang lebih rendah daripada nilai min dari aspek emosi.

#### 4.5 Analisis inferensi (t-test) Bagi Perbezaan Sikap Di Antara Pelajar Lelaki Dengan Pelajar Perempuan PKPG

**Jadual 5:** Hasil Analisis (t-test) Perbezaan Sikap (Komitmen) Pelajar Perempuan dan Lelaki PKPG

Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Lelaki	53	3.68	.55	129	-.617	.538
Perempuan	78	3.74	.51			

\* Signifikan pada aras keertian .05

Dapatan kajian menunjukkan nilai  $p = 0.538 > \alpha 0.05$ . Hipotesis nol diterima dan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan sikap (komitmen).

**Jadual 6:** Hasil Analisis (t-test) Perbezaan Sikap (Emosi) Pelajar Perempuan dan Lelaki PKPG

Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Lelaki	53	3.89	.49	129	.470	.639
Perempuan	78	3.85	.48			

\* Signifikan pada aras keertian .05

Dapatan kajian menunjukkan nilai  $p = 0.639 > \alpha 0.05$ . Hipotesis nol diterima dan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan sikap (emosi).

**Jadual 7:** Hasil Analisis (t-test) Perbezaan Sikap (Berwawasan) Pelajar Perempuan dan Lelaki PKPG

Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Lelaki	53	3.71	.50	129	-1.366	.174
Perempuan	78	3.84	.55			

\* Signifikan pada aras keertian .05

Dapatan kajian menunjukkan nilai  $p = 0.174 > \alpha 0.05$ . Hipotesis nol diterima dan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan sikap (berwawasan). Jika berdasarkan hasil analisis deskriptif sebelum ini didapati terdapatnya perbezaan sikap di antara pelajar lelaki dan perempuan namun hasil analisis t-test ini telah

membuktikan bahawa tidak wujudnya perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan ketiga-tiga aspek sikap yang dikaji itu.

#### 4.6 Analisa Data Bagi Hubungan Antara Sikap (Komitmen, Emosi, Dan Berwawasan) Dengan Pencapaian Akademik

**Jadual 8 :** Korelasi di antara Sikap (Komitmen, Emosi dan Berwawasan) dengan C.G.P.A.

		<b>C.G.P.A</b>
C.G.P.A	Pearson Correlation	1.000
	Sig. (2-tailed)	
	N	79
Komitmen	Pearson Correlation	.251
	Sig. (2-tailed)	.004
	N	131
Emosi	Pearson Correlation	.116
	Sig. (2-tailed)	.186
	N	131
Berwawasan	Pearson Correlation	.271
	Sig. (2-tailed)	.002
	N	131

\* Signifikan pada aras keertian 0.01 (2-tailed)

Daripada jadual 8, didapati sikap dari aspek komitmen dan berwawasan menunjukkan terdapatnya perhubungan yang signifikan memandangkan nilai p masing-masing ialah 0.004 dan 0.002 di mana lebih kecil daripada  $\alpha$  0.01. Dengan itu hipotesis nol ditolak, maka wujudnya perhubungan yang signifikan, namun jika dilihat pada nilai r masing-masing iaitu 0.251 dan 0.271, ini menunjukkan perhubungan antara sikap (komitmen dan berwawasan) dengan CGPA adalah lemah.

Berbeza pula dengan sikap dari aspek emosi yang tidak menunjukkan terdapatnya perhubungan yang signifikan memandangkan nilai pnya lebih besar daripada  $\alpha$  0.01, maka hipotesis nol diterima. Walaubagaimanapun, berdasarkan hasil analisa ini membuktikan bahawa perhubungan di antara sikap (komitmen, emosi dan berwawasan) dengan pencapaian akademik tidak boleh diabaikan.

## 5.0 PERBINCANGAN

### 5.1 Sikap pelajar PKPG dari aspek komitmen terhadap pembelajaran.

Terdapat 10 item yang digunakan bagi mengenalpasti sikap pelajar PKPG dari aspek komitmen terhadap pembelajaran. Daripada 10 item tersebut pelajar PKPG kurang bersetuju terhadap tiga item iaitu item 1, 2 dan 4 berdasarkan nilai min yang rendah iaitu kurang daripada 3.50. Maka pelajar PKPG didapati bersikap kurang gemar membuat ulangkaji sebelum menghadiri kuliah, melakukan latihan tanpa disuruh oleh pensyarah dan membuat rujukan tambahan tanpa bergantung kepada nota kuliah semata-mata. Ini mungkin disebabkan kekangan waktu yang dihadapi, terlalu sibuk dengan aktiviti lain atau menganggap ada tugas lain yang lebih penting yang harus dibereskan dahulu.

Seterusnya, baki kesemua tujuh item mencatat nilai min diantara 3.50 - 4.50. Ini bermakna pelajar PKPG mempunyai sikap seperti mencatat nota sendiri ketika pensyarah mengajar, membuat rujukan tambahan di perpustakaan jika perlu, membuat latihan yang diberikan oleh pensyarah, serta beranggapan kehadiran ke kuliah dan markah penilaian berterusan adalah penting. Ini selari dengan pernyataan Salihan Siais (1991), yang mengatakan nota yang mengandungi tajuk dan fakta penting yang tersusun serta kemas akan meningkatkan lagi daya ingatan dan keberkesanan proses pembelajaran. Ditambah lagi dengan Wan Izzuddin Wan Sulaiman dan Wan Hasni Wan Sulaiman (1991), pula yang menyatakan, pelajar juga perlu menghadiri kuliah tepat pada waktunya supaya pelajar tidak ketinggalan dalam mencatatkan nota yang betul dan penting. Selain daripada itu min tertinggi pada item enam (4.36) menunjukkan pelajar PKPG beranggapan kehadiran mereka ke kuliah atau kelas tutorial adalah amat penting.

Ini mungkin kerana pelajar PKPG terikat dengan perjanjian Bahagian Pendidikan Guru yang memberikan biasiswa bagi membiayai yuran pengajian. Jika pelajar PKPG menghadapi sebarang masalah kehadiran, tindakan tatatertib boleh dikenakan sekaligus akan mengganggu perkhidmatan di sekolah kelak. Selain daripada itu, mengikut perjanjian, yuran pengajian hanya akan ditanggung untuk tiga tahun pengajian, jika tempoh pengajian dilanjutkan maka yuran pengajian hendaklah ditanggung sendiri oleh pelajar. Selain daripada itu jika seseorang pelajar PKPG itu lambat menamatkan pengajian, masalah senioriti dalam perkhidmatan akan timbul. Ini akan merugikan pelajar tersebut.

Maka, pelajar PKPG mungkin beranggapan, bagi menamatkan pengajian mengikut tempoh yang ditetapkan seseorang pelajar itu haruslah bersikap komited dengan pembelajaran. Ini disokong dengan pernyataan, individu yang ingin berjaya belajar perlu tekun bertanggungjawab (Bell, 1972).

## **5.2 Sikap pelajar PKPG dari aspek emosi terhadap pembelajaran.**

Sekali lagi 10 item telah digunakan untuk mengenalpasti sikap pelajar PKPG dari aspek emosi terhadap pembelajaran. Daripada hasil analisa didapati hanya satu sahaja item yang mencatat nilai min kurang daripada 3.5 iaitu item 19. Maka di situ pelajar PKPG menunjukkan bahawa kurang gemar mengulangkaji pelajaran daripada bersukan. Ini mungkin disebabkan oleh tekanan dan bebanan tugas pelajar.

Mungkin pelajar inginkan kelainan untuk mengisi masa lapang, pada masa yang sama mungkin beranggapan badan yang cergas membentuk otak yang cerdas. Ini sesuai dengan pernyataan, emosi akan ditonjolkan keluar sebagai satu bentuk bagi memenuhi kepuasan seseorang. Emosi juga boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan yang dialami oleh manusia yang melibatkan beberapa perubahan proses fisiologi, diri dan psikologi (Mahmood Nazar Mohamed, 1992).

Sementara itu 9 lagi item mencatatkan nilai min melebihi 3.50 dan yang paling menarik item ke-12 mencatatkan nilai min paling tinggi iaitu 4.5 dengan 95.4% responden bersetuju dan amat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Maka, pelajar PKPG mempunyai sikap yang sangat cenderung untuk berasa gembira apabila mendapat markah atau gred yang baik dalam peperiksaan. Mendapat gred yang baik boleh menjadi ganjaran yang baik untuk meningkatkan lagi prestasinakademik. Ini disokong oleh Mohd Daud Hamzah, 1998 dengan pernyataannya yang berbunyi, dengan adanya pengurusan emosi yang baik aktiviti pembelajaran yang menguntungkan pelajar dapat digalakkan .

Selain daripada sikap tersebut, pelajar PKPG juga dikenalpasi mempunyai sikap seperti tidak terpaksa untuk mengikuti pengajian, mempunyai hubungan yang baik dengan pensyarah dan rakan-rakan serta menyedari akan kelemahan diri dan berusaha untuk



memperbaikinya. Selain itu, pelajar PKPG juga didapati mempunyai sikap suka pada cabaran, bermotivasi, belajar secara berkumpulan, seronok menghadiri kuliah, serta yakin dan berani bertanya kepada pensyarah. Ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Terry 1992, yang mendapati bahawa pelajar dewasa terarah sendiri, mempunyai motivasi diri yang tinggi, mempunyai wawasan, komitmen dan mempunyai kerangka pemikiran yang positif ikutan pengalaman hidup mereka.

### **5.3 Sikap pelajar PKPG dari aspek berwawasan terhadap pembelajaran.**

Daripada 10 item yang digunakan hanya satu item mencatatkan nilai kurang daripada 3.5 iaitu item ke 23. Ini bermakna pelajar PKPG kurang gemar menyediakan jadual belajar untuk menghadapi peperiksaan akhir. Ini mungkin disebabkan oleh faktor usia di mana orang dewasa lebih gemar melakukan persediaan tanpa membuat perancangan yang formal. Mungkin pelajar PKPG membuat persediaan yang mencukupi untuk menghadapi peperiksaan tetapi tidak menyediakan jadual dalam bentuk bertulis. Ini berkaitan dengan pernyataan Padilah Ali (1994) yang menyatakan, perancangan dan penyediaan jadual waktu dapat menunjukkan beban kerja sebenar yang dihadapi oleh pelajar. Maka, kemungkinan pelajar PKPG kurang gemar menyediakan jadual ialah untuk mengelakkan tekanan mengetahui bebanan kerja sebenar.

Seterusnya, baki sembilan item menunjukkan nilai min melebihi 3.5. Maka, pelajar PKPG dikenalpasti mempunyai sikap seperti , membahagikan masa yang secukupnya untuk setiap mata pelajaran, dapat mengulangkaji semua nota sebelum ujian atau peperiksaan, membuat persediaan lebih awal daripada tarikh ujian atau peperiksaan serta menetapkan gol yang ingin dicapai pada akhir setiap semester. Ini disokong oleh Knowles, 1998, yang menegaskan orang dewasa adalah terarah diri dan dijangka bertanggungjawab atas keputusan diri.

Paling menarik didapati pelajar PKPG mempunyai sikap menepati waktu dalam menjalani pengajian di universiti. Sebanyak 81.7% daripada jumlah responden bersetuju dan amat bersetuju dengan pernyataan ini sekaligus mencatatkan nilai min tertinggi. Ini mungkin disebabkan oleh profesion perguruan yang disandang oleh pelajar PKPG yang telah melatih diri mereka untuk menepati waktu ketika menghadiri sesuatu perkara.

### **5.4 Perbezaan sikap pelajar lelaki dan perempuan PKPG**

Hasil analisis deskriptif telah membawa kepada beberapa dapatan kajian. Antara perbezaan sikap antara pelajar lelaki dan perempuan PKPG yang ketara ialah pelajar lelaki lebih cenderung mengamalkan hubungan yang baik dan mesra dengan rakan dan pensyarah berbanding pelajar perempuan. Selain daripada itu juga, pelajar lelaki juga didapati lebih gemar belajar secara berkumpulan berbanding pelajar perempuan. Tidak kurang juga dari segi kehadiran ke kuliah pelajar lelaki lebih suka untuk hadir ke kuliah berbanding pelajar perempuan.

Namun, secara umumnya pelajar perempuan menunjukkan sikap yang lebih positif berdasarkan nilai min bagi ketiga-tiga aspek sikap yang dikaji. Ini selari dengan hasil kajian Ahmad Fauzi (2005) yang juga menemui perbezaan yang sama. Walaupun didapati terdapatnya perbezaan sikap di antara pelajar lelaki dan perempuan namun hasil analisis t-test telah membuktikan bahawa tidak wujudnya perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan ketiga-tiga aspek sikap yang dikaji itu. Maka, daripada keputusan ini dapat dirumuskan bahawa faktor jantina boleh diabaikan. Namun, ini pula bertentangan dengan

hasil dapatan Ahmad Fauzi (2005) yang mendapati adanya perbezaan yang signifikan antara jantina dengan sikap, sekaligus mengatakan jantina bukanlah satu faktor yang boleh diabaikan.

### **5.5 Hubungan sikap (komitmen, emosi, berwawasan) pelajar PKPG dengan pencapaian akademik.**

Hasil analisa korelasi yang dijalankan telahpun membuktikan bahawa terdapatnya perhubungan yang signifikan di antara sikap (komitmen dan berwawasan sahaja) dengan pencapaian akademik, namun perhubungannya adalah lemah. Sementara tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara sikap emosi dengan pencapaian akademik. Dapatan kajian ini hampir selari dengan dapatan kajian Azizi Yahaya (2006), yang telah menemui terdapatnya hubungan yang signifikan antara sikap komitmen dengan pencapaian akademik tetapi sebaliknya untuk sikap emosi dan berwawasan.

Menurut beliau di dalam kajiannya, sikap emosi adalah sukar diramalkan. Manusia adalah unik dan mempunyai sifat peribadi yang berbeza. Maka, apabila hasil kajian menunjukkan keputusan yang berbeza bagi sikap berwawasan dan emosi, seharusnya sikap ini harus diberi perhatian supaya dapat mengimbangi pembentukan sikap individu dan pemantapannya. Justeru itu, hubungan antara sikap (komitmen, emosi dan berwawasan) dengan pencapaian akademik bukanlah satu perhubungan yang boleh diabaikan begitu sahaja, malah harus diberi perhatian.

### **RUJUKAN**

- Ahmad Fauzi et al (2005). Students Attitude Toward Calculus: A Preliminary Study Among Diploma Students at Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 42(E), 49-60
- Aiken, L. R. (1997). *Psychological Testing and Assessment*. (Ninth Edition). B Boston: Allyn and Bacon, Inc.
- Alias Baba. (1989). Beberapa Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Kimia. *Jurnal Pendidikan*, 13 & 14, 19-27.
- Azizi Yahaya et al (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Beech, H.R. Burn, L.E. dan Sheffield, B.F. (1982). *A Behavior Approach To The Management Of Stress*. United Kingdom: John Wiley and Sons.
- Bell, M.E. (1972). *Learning and Instruction: Theory Into Practice*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Chee Kim Mang. (tahun tidak dinyatakan). Satu model pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Ekonomi Asas: Kajian rintis di sebuah Sekolah Menengah di Pulau Pinang.
- Cheung, K.C.(1988). Outcome of Schooling; Mathematics Achievement And Attitudes Towards Mathematics learning In Hong Kong. *Educations Studies In Mathematics*. Vol 19, 209-219.
- Cross, K.P.(1981). *Adults as learners: Increasing Participation and facilitating Learning*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Dr. Arham Abdullah, et al (2006). Faktor-faktor Yang Menyumbang kepada Kecemerlangan Akademik Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. Diperolehi pada Julai 25, 2007 daripada:  
[http://eprints.utm.my/458/1/ArhamAbdullah2006\\_Faktorfactoryangmenyumbangkepada.pdf](http://eprints.utm.my/458/1/ArhamAbdullah2006_Faktorfactoryangmenyumbangkepada.pdf)

- Dunn, R. dan Stevenson, J.M (1997). Teaching Diverse College Students To Study A Learning Style Prescription. *College Student Journal*, 31(3): 333-339.
- Hanifi Ismail (2001). *Tujuh Cabaran Menjadi Pelajar Cemerlang*. Cetakan Kedua. K. Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Honey, P. dan Mumford, A (1992). *The Manual of Learning Style*. (Second ed.), United Kingdom: Peter Honey.
- Klavas, A. (1994). Learning Style Program Boosts Achievement And Test Scores. *Clearing House*. Vol. 67(3): 149.
- Knowles, M.S. 1998. *The Adult Learner*. Ed. ke-5. United States of America: Gulf Publishing Company.
- Mahmood Nazar Mohamed (1992). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mann, L. (1969). *Social Psychology*. Sydney: John Wiley & Sons Australia PTY, Ltd.
- Maslin Sulaiman (2002). *Masalah Yang Dihadapi Oleh Tenaga Pengajar Atau Guru Teknikal Bukan Siswazah Terhadap Profesion Perguruan Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Selangor*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.
- Mohd Daud Hamzah (1990). *Emosi Dalam Pembelajaran*. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morris, J. (1981). *Math Anxiety : Teaching To Avoid It*. *The Mathematics Teachers*. Vol. 74(6).
- Nor Azah Samot@Samat (2006). Faktor-faktor Penentu Kecemerlangan Pelajar dalam Kursus Teori Statistik di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Diperolehi Julai 25, 2007 daripada: <http://ppp.upsi.edu.my/eWacana/FaktorPenentuAbstrakBM.htm>
- Norhani Bakri et al (2005). Punca Prestasi Pembelajaran yang Lemah Di Kalangan Pelajar Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia. *Jurnal Teknologi*. 43(E) , 29-44.
- Padilah Ali (1994). *Teknik Belajar Untuk Kejayaan*. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- RMK ke9 :Memartabatkan Profesion Keguruan; Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Diperolehi Julai 30, 2007 daripada: [http://www.moe.gov.my/galeri\\_awam\\_manual/pipp2010/moe\\_pipp\\_08.pdf](http://www.moe.gov.my/galeri_awam_manual/pipp2010/moe_pipp_08.pdf)
- Salihan Siais (1991). *Teknik Belajar Berkesan*. Kuala Lumpur: Siri Maju Sdn. Bhd.
- Schunk, D.H., (1991). *Learning Theories: An Educational Perspective*. New York: Merrill
- Secord, P.F. & Backman, C.W.(1964). *Social Psychology*. New York: Mc. Graw Hill Book Company.
- Siti Hawa Munji (1987). *Kajian Penggunaan Teknik Belajar Oleh Pelajar-pelajar Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Sarawak*. Sarawak: Universiti Pertanian Malaysia.
- Sulaiman Ngah Razali (1996). *Analisis Data Dalam Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taylor, B.M. dan Maruyama, G. (1990). Time Spent Reading And Reading Growth. *American Educational Research Journal*. vol. 5(3): 351-362.
- Terry, W. et al (1992). The "Old" New Resource for Education--Student Age. Diperolehi Julai 30, 2007 daripada: <http://scholar.lib.vt.edu/ejournals/CATALYST/V22N3/whisnant.html>
- Toh Hon Leong (2000). *Rahsia Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors. Sdn. Bhd.
- Wan Izzuddin Wan Sulaiman dan Wan Hasni Wan Sulaiman (1991). *Strategi Belajar Yang Berkesan*. Kuala Lumpur: Sabha-DTP Services Sdn. Bhd.
- Wiley, D.E. and Harnischfeger, A. (1974). Explosion Of A Myth: Quality Of School And Exposure To Instruction. *Educational Researcher*, 7-12